

TEKS UCAPAN

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (BELANJAWAN) 2021**

**DI DEWAN NEGARA BAGI
MESYUARAT KETIGA
PENGKAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**23 DISEMBER 2020
(RABU)**

(MUKADIMAH)

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) ini.
2. Bagi tahun 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diperuntukkan sebanyak **RM2.584 bilion**.
3. Di samping itu, KPWKM juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak **RM791 juta** seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021. Peruntukan Belanjawan 2021 adalah untuk manfaat kesemua kumpulan sasar Kementerian.

Tan Sri Yang di-Pertua,

4. Seramai **7 orang Ahli Yang Berhormat Senator** telah membangkitkan sebanyak **15 pertanyaan, isu dan cadangan** sepanjang sesi perbahasan kali ini.
5. Izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, isu, cadangan mahupun pandangan tersebut **secara keseluruhan mengikut Yang Berhormat Senator yang membangkitkannya.**

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

Tan Sri Yang di-Pertua,

6. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad** atas keprihatinan terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) serta cadangan agar Majlis Kebangsaan bagi OKU (MKBOKU) turut melibatkan NGO OKU luar bandar.
7. Kementerian menyambut baik dengan cadangan Yang Berhormat Senator supaya melibatkan NGO luar bandar dan ia adalah selaras dengan peruntukan Akta dan juga apa yang dipraktikkan oleh Kementerian selama ini.

8. Dalam masa yang sama, Kementerian dari masa ke masa sentiasa menambah baik kaedah pelantikan anggota MKBOKU agar ia turut seiring dengan perubahan semasa dan kehendak serta keperluan sebenar OKU.
9. Selain itu, untuk makluman **Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris** juga, Mesyuarat MKBOKU Bilangan 1 Tahun 2020 pada 21 Disember 2020 secara dasarnya telah bersetuju mengenai cadangan penubuhan Yayasan Pembangunan OKU. Walau bagaimanapun, pelaksanaan, struktur dan mekanisme bagi cadangan ini akan diperhalusi dan diperincikan terlebih dahulu sebelum ia dapat dilaksanakan.

Peruntukan JPW Tidak Mencukupi di Negeri-Negeri

Tan Sri Yang di-Pertua,

10. **Yang Berhormat Senator Puan Asmak** membangkitkan berkenaan peruntukan untuk Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) tidak mencukupi di negeri-negeri.
11. Peruntukan yang diterima oleh JPW bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM20.1 juta berbanding RM26.9 juta

pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 25 peratus (RM6.7 juta).

12. Sehingga November 2020, sebanyak 956 program telah dilaksanakan oleh JPW melalui Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri dan melibatkan penyertaan seramai 392 ribu peserta.
13. Berikutan pengurangan peruntukan JPW bagi tahun 2021, JPW akan menghubungkan kumpulan sasar ke program-program dan perkhidmatan yang disediakan di Kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan lain-lain.

Cadangan Melaksanakan Perintah Berkurung (*Curfew*) Secara Berperingkat

Tan Sri Yang di-Pertua,

14. Berhubung dengan isu melaksanakan perintah berkurung (*curfew*) yang dicadangkan oleh **Yang Berhormat Senator Puan Asmak**. Kementerian berpandangan

perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

15. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan perintah berkurung terhadap kanak-kanak berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001.

Kebolehcapaian Laporan Penyelidikan atau Kajian

Tan Sri Yang di-Pertua,

16. Untuk makluman **Yang Berhormat Senator Puan Asmak** juga, Kementerian akan membangunkan Sistem Perpustakaan Bersepadu yang lengkap dengan Modul Repositori dalam tahun 2021. Semua kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi akan dapat diakses dalam sistem tersebut.
17. Buat masa ini, orang ramai boleh membuat capaian laporan penyelidikan atau kajian berkaitan kumpulan sasar KPWKM menerusi portal agensi masing-masing.

Menaikkan Kadar Bantuan Anak Pelihara

Tan Sri Yang di-Pertua.

18. Seterusnya isu cadangan menaikkan kadar Bantuan Anak Pelihara (BAP) yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Senator Puan Asmak**. Kementerian menyambut baik dan akan meneliti cadangan tersebut.

Cadangan Mewujudkan Pelan Tindakan Dasar Kebajikan Masyarakat dan Pengasingan Skop Kebajikan daripada KPWKM

Tan Sri Yang di-Pertua,

19. Berkenaan dengan cadangan daripada **Yang Berhormat Senator Puan Asmak Binti Husin** untuk mewujudkan Pelan Tindakan Dasar Kebajikan Masyarakat dan pengasingan skop kebajikan daripada KPWKM. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Kementerian mengambil maklum dan akan memperhalusi cadangan tersebut.

Masalah Psikososial di Musim Pandemi

Tan Sri Yang di-Pertua,

20. Seterusnya, untuk makluman **Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu**, Kerajaan amat berprihatin dengan masalah psikososial khususnya di musim pandemik.
21. Kerajaan menerusi pelbagai agensi kerajaan, contohnya Kementerian Kesihatan, JAKIM dan Lembaga Kaunselor telah menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada semua kumpulan sasar bagi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup. Isu-isu yang mendapat perhatian merangkumi isu psikologikal iaitu masalah kemurungan, kebimbangan, gangguan seksual dan masalah keluarga.
22. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan tele-kaunseling bersama dengan Pegawai Psikologi secara atas talian melalui Talian Kasih di 15999 atau melalui Whatapps di 019-26 15999.

Cadangan Kenaikan Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Menyediakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Berkala kepada Penerima Bantuan

Tan Sri Yang di-Pertua,

23. Terima kasih diucapkan kepada **Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair** atas cadangan kenaikan kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) serta menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara berkala kepada penerima Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT).
24. Terdapat lima (5) skim bantuan JKM akan dinaikkan kadarnya melalui Belanjawan 2021 termasuk BTB dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang dan BPT dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang.
25. KPWKM sedang menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi urusan pemeriksaan kesihatan kepada penerima-penerima bantuan yang berkaitan.

Perubahan Syarat Kelayakan Pendapatan bagi Elaun Pekerja Cacat (EPC) Selaras dengan Kenaikan PGK

Tan Sri Yang di-Pertua,

26. **Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi** turut membangkitkan berkenaan **menaikkan syarat minimum gaji bagi Elaun Pekerja Cacat (EPC) selaras dengan kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).**
27. Sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, Elaun Pekerja Cacat (EPC) merupakan insentif yang diberikan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan RM1,200 ke bawah. Elaun ini bertujuan bagi menggalakkan OKU terus bekerja serta mampu berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.
28. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengemukakan cadangan perubahan syarat kelayakan pendapatan bagi EPC kepada Kementerian Kewangan di dalam Dasar Bajet bagi tahun 2022 berdasarkan kenaikan PGK tahun hadapan.

29. **Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba** juga membangkitkan isu kenaikan kadar bantuan bulanan JKM buat golongan OKU kepada RM1,000 sebulan. Konsep pelaksanaan kenaikan kadar bantuan JKM ini adalah lebih memberi fokus kepada keperluan isi rumah dan merujuk kepada penggabungan bantuan mengikut keperluan sesebuah isi rumah yang mempunyai pelbagai kategori seperti Warga Emas, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun serta pesakit kronik terlantar.
30. Walau bagaimanapun, antara usaha Kerajaan untuk menangani isu kemiskinan adalah melalui Jawatankuasa Kerja Menangani Kemiskinan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan.

Program Khidmat Bantu di Rumah

Tan Sri Yang di-Pertua,

31. **Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba**, Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) (KBDR) merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang

disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah.

32. Sukarelawan yang berminat untuk menjadi *careworker professional* boleh berdaftar di agensi-agensi swasta yang menawarkan perkhidmatan penjagaan secara berbayar mengikut tahap kemahiran dan kelayakan masing-masing.
33. Selain itu, Program KBDR dapat dilaksanakan melalui jalinan kolaborasi strategik dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). JKM mengalu-alukan penglibatan daripada NGO yang juga berminat untuk melaksanakan program KBDR ini.

Langkah-langkah Proaktif bagi Membendung Masalah Keganasan Rumah Tangga

Tan Sri Yang di-Pertua,

34. Terima kasih atas keprihatinan **Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh** terhadap masalah keganasan rumah tangga khususnya dalam tempoh PKP.

35. KPWKM telah mengambil inisiatif seperti:

- i. mempercepatkan proses permohonan **Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order*)** kepada mangsa;
- ii. bekerjasama dengan Mahkamah Persekutuan bagi membantu dalam proses mendapatkan **perintah perlindungan (IPO dan PO)**;
- iii. khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999 ataupun melalui aplikasi Whatsapp di talian 019-26 15999; dan
- iv. meningkatkan advokasi melalui pelbagai platform termasuk pendidikan dalam talian, contohnya menerusi program Akademi Keluarga Sejahtera (AKS).

Tempat Perlindungan Sementara bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga

Tan Sri Yang di-Pertua,

36. Untuk makluman **Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni Binti Sabu** berkenaan dengan tempat

perlindungan sementara bagi mangsa keganasan rumah tangga.

37. Selaras dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020, KPWKM akan mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Setempat bagi memudahkan kumpulan sasar KPWKM terutamanya golongan wanita mendapatkan perkhidmatan yang disediakan seperti khidmat nasihat, kaunseling, intervensi serta perlindungan sementara.
38. Perlindungan sementara akan diberikan kepada mangsa atau pengadu sebelum dirujuk kepada Kementerian/ organisasi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan selanjutnya.
39. Sehubungan itu, KPWKM bekerjasama dengan agensi Kerajaan lain seperti PDRM dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kerajaan Negeri dan NGO untuk mewujudkan pusat transit bagi mangsa keganasan rumah tangga.

(PENUTUP)

Tan Sri Yang di-Pertua,

40. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini. Kami menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.
41. Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan hak dan kepentingan kumpulan sasar KPWKM terpelihara. Kenaikan kadar kemiskinan dan peningkatan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menunjukkan terdapat keperluan yang mendesak untuk mengoptimumkan pengurusan sumber bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada golongan sasar.
42. Justeru, Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan dan sebarang bentuk kerjasama daripada semua pihak.

#KitaJagaKita “Teguh Kita, Menang Bersama”

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.